

**Tarikh Dibaca: 30 NOV 2018M I 22 RABI'UL AWWAL 1440H**



# **KHUTBAH JUMAAT**

***Tajuk:***

***“TUNAIKAN KEWAJIPAN ZAKAT”***

**\*\*\***

***Terbitan:***

***Unit Khutbah***

***Bahagian Pengurusan Masjid***

***JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR***



## SENARAI AHLI JAWATANKUASA KHUTBAH NEGERI SELANGOR

1. **SS. Dato' Haji Haris Bin Kasim** (Pengerusi)  
**Pengarah Jabatan Agama Islam Selangor**
2. **Tuan Haji Mohd Basori Bin Umar** (Ahli)  
**Mantan Timbalan Pengarah,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
3. **Ketua Penolong Pengarah,** (Setiausaha)  
**Bahagian Pengurusan Masjid,  
Jabatan Agama Islam Selangor**
4. **SS. Dato' Dr. Haji Anhar Bin Haji Opir** (Ahli)  
**Timbalan Mufti, Jabatan Mufti Negeri Selangor**
5. **Ustaz Muhammad Farhan Bin Wijaya** (Ahli)  
**Imam Besar Masjid Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah**
6. **Ustaz Indera Shahril Bin Mohd Shahid** (Ahli)  
**Pegawai Majlis Agama Islam Selangor**
7. **Tuan Haji Abdul Halem Hapiz Bin Salihin** (Ahli)  
**Ketua Penolong Mufti (Fatwa),  
Jabatan Mufti Negeri Selangor**
8. **Dato' Haji Abdul Majid Bin Omar** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
9. **Yg. Berbahagia Dr. Haji Osman Bin Haji Sabran** (Ahli)  
**Mantan Pensyarah Universiti Industri Selangor**
10. **Tuan Haji Hamid Bin Md Isa** (Ahli)  
**Pensyarah, Kolej Universiti Islam Selangor**
11. **Tuan Haji Md. Sahari Bin Abdullah** (Ahli)  
**Ahli Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor**
12. **Hairol Azmi Bin Khairudin** (Urus Setia)  
**Penolong Pengarah (Unit Khutbah)  
Bahagian Pengurusan Masjid**



## “TUNAIKAN KEWAJIPAN ZAKAT”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : ﴿ وَمِنْهُمْ مَّنْ عَاهَدَ اللَّهَ لَئِنِ آتَيْنَا مِنْ فَضْلِهِ لَنَصَّدَّقَنَّ وَلَنَكُونَنَّ مِنَ الصَّالِحِينَ ﴾<sup>1</sup>  
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَآيَايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

### Muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah SWT dengan mengerjakan segala perintah-Nya serta menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan Allah SWT memberkati kehidupan kita ini dengan nikmat, taufik dan hidayah yang berpanjangan serta beroleh kejayaan di dunia dan di akhirat.

Pada hari ini, khatib ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati khutbah yang bertajuk “**TUNAIKAN KEWAJIPAN ZAKAT.**”

Sebelum meneruskan khutbah ini, khatib ingin mengingatkan hadirin Jumaat sekalian akan pesanan Rasulullah SAW supaya memberikan perhatian yang sepenuhnya kepada khutbah yang akan disampaikan.

<sup>1</sup> Al-Taubah : 75.



Janganlah bercakap-cakap dan melakukan perkara yang sia-sia, termasuklah menggunakan telefon bimbit ketika khatib sedang menyampaikan khutbah.

### **Hadirin sekalian,**

Zakat merupakan perintah Allah SWT yang difardhukan kepada kita semua. Zakat terbahagi kepada dua jenis, iaitu zakat fitrah dan zakat harta. Zakat fitrah atau juga dinamakan sebagai 'zakat diri' ditunaikan dalam bulan Ramadhan untuk diri dan orang-orang yang dibawah tanggungannya dengan syarat-syarat yang ditetapkan. Manakala zakat harta ialah zakat yang dikenakan ke atas harta pendapatan, perniagaan, pertanian, penternakan, emas, perak, wang simpanan, pelaburan yang halal, KWSP dan takaful.

Sesungguhnya ibadah zakat adalah salah satu rukun Islam yang berperanan penting dalam membela kebajikan umat Islam. Ini dapat dilihat apabila perintah zakat dan solat disebut secara beriringan sebanyak 32 kali dalam Al-quran. Oleh itu, sebagai hamba Allah SWT kita wajib mentaati perintah supaya menunaikan zakat.

### **Hadirin yang dirahmati Allah sekalian,**

Sesungguhnya, Allah SWT menjanjikan ketenangan, kebahagiaan dan keselamatan terhadap hamba-hamba-Nya yang menunaikan zakat. Bahkan, orang-orang yang menunaikan zakat disamping amalan soleh yang lain akan dimasukkan ke dalam syurga dengan cara yang amat terhormat. Disebutkan dalam sebuah hadis daripada Abu Hurairah dan Abu Said Radhiallahu Anhuma, bahawa Baginda Rasulullah SAW bersabda:



مَا مِنْ عَبْدٍ يُصَلِّي الصَّلَوَاتِ الْخَمْسَ وَيَصُومُ  
رَمَضَانَ وَيُخْرِجُ الزَّكَاةَ وَيَجْتَنِبُ الْكَبَائِرَ السَّبْعَ إِلَّا  
فُتِّحَتْ لَهُ أَبْوَابُ الْجَنَّةِ فَيَقِيلُ لَهُ ادْخُلْ بِسَلَامٍ.

*"Tidaklah orang yang mengerjakan solat yang lima, berpuasa pada bulan Ramadhan, mengeluarkan zakat dan menjauhi dosa-dosa besar yang tujuh, melainkan dibukakan baginya pintu-pintu syurga, serta di katakan kepadanya: Dipersilakan masuk dengan selamat sejahteranya."*

*(Riwayat al-Nasa'i).*

Selain itu, ada banyak lagi ganjaran dan kelebihan yang dijanjikan oleh Allah SWT terhadap orang yang berzakat. Antaranya:

1. Allah SWT akan mengurniakan keberkatan dan pertambahan rezeki untuk orang yang menunaikan zakat.
2. Allah SWT akan membersihkan hati orang yang ikhlas menunaikan zakat lalu menjadikan mereka seorang yang prihatin dan pengasih sesama manusia.
3. Orang yang ikhlas berzakat akan dikasihi Allah SWT dan dikasihi oleh semua makhluk di langit dan di bumi.

### **Tetamu Allah yang dirahmati sekalian,**

Sesungguhnya orang-orang yang berhak untuk menerima bantuan zakat telahpun ditetapkan oleh Allah SWT kepada lapan golongan sahaja. Firman Allah SWT dalam surah Al-Taubah, ayat 60:



إِنَّمَا الصَّدَقَتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمَلِينَ عَلَيْهَا  
وَالْمُؤَلَّفَةِ قُلُوبِهِمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرَمِينَ وَفِي سَبِيلِ اللَّهِ وَأَبْنِ  
السَّبِيلِ فَرِيضَةً مِّنَ اللَّهِ وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ

*“Sesungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana”.*

Berdasarkan kepada ayat yang saya bacakan tadi, golongan yang layak menerima zakat dan digelar sebagai asnaf ialah lapan golongan. Kesemua 8 asnaf tersebut telah ditetapkan kriterianya oleh Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor dan dilaksanakan oleh pihak Lembaga Zakat Selangor secara berhati-hati.

Oleh itu, khatib ingin mengingatkan kepada sidang Jumaat sekalian, bahawa harta yang kita miliki itu ada bahagian yang wajib dizakatkan, sudah tentu ada hak asnaf-asnaf yang perlu diserahkan kepada mereka. Sekiranya kita tidak menunaikannya, bermakna kita telah menghalang asnaf-asnaf zakat untuk mendapatkan hak mereka. Rasulullah SAW memberi peringatan terhadap orang yang enggan berzakat dengan ancaman neraka yang amat mengerikan. Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:



مَا مِنْ صَاحِبٍ ذَهَبٍ وَلَا فِضَّةٍ لَا يُؤَدِّي مِنْهَا  
حَقَّهَا إِلَّا إِذَا كَانَ يَوْمُ الْقِيَامَةِ صُفِّحَتْ لَهُ صَفَائِحُ  
مِنْ نَارٍ فَأُحْمِي عَلَيْهَا فِي نَارِ جَهَنَّمَ فَيُكْوَى بِهَا جَنْبُهُ  
وَجَبِينُهُ وَظَهْرُهُ.

*"Tidaklah mereka yang memiliki emas dan perak yang tidak mengeluarkan zakatnya, melainkan akan disediakan baginya pada hari kiamat kelak keping-keping leburan dari api neraka, lalu leburan itu dibakar dalam neraka jahanam, kemudian diselar dengannya rusuknya, dahinya dan belakang badannya".*

*(Riwayat Muslim).*

### **Muslimin yang berbahagia,**

Sebagai makluman semua, berdasarkan kepada rekod kutipan zakat di Lembaga Zakat Selangor, bilangan umat Islam di negeri ini yang menunaikan zakat di LZS pada tahun 2017 adalah sekitar 270,000 orang sahaja sedangkan dianggarkan bilangan umat Islam di Selangor yang layak menunaikan zakat adalah seramai 1.5 juta orang. Ini bermakna umat islam yang menunaikan zakat di LZS hanya 18% sahaja daripada jumlah keseluruhan umat Islam yang layak berzakat.

### **Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah sekalian,**

Pada tahun ini, Lembaga Zakat Selangor telah melantik seramai 1,613 amil kariah yang berkhidmat dibawah pemantauan masjid-masjid di seluruh Negeri Selangor. Amil-amil Kariah yang dilantik ini menjadi tenaga sokongan kepada pihak LZS bagi memudahkan urusan permohonan bantuan zakat di setiap daerah. Daripada jumlah tersebut seramai 741 amil kariah diberi



kuasa oleh pihak LZS untuk membanci, menyiasat dan mengesyorkan bantuan zakat kepada pihak LZS.

Oleh itu pihak Lembaga Zakat Selangor sentiasa memberi peringatan kepada sesiapa yang tidak layak sebagai asnaf, janganlah mengambil kesempatan untuk menerima pemberian zakat sedangkan diri sendiri mengetahui dia tidak layak untuk menerimanya. Perbuatan ini merupakan suatu yang zalim dan batil. Nabi SAW memberi ancaman bahawa harta yang bukan hak seseorang itu merupakan bahagian dari api neraka. Sebuah hadis yang diriwayatkan daripada Abu Umamah Radhiallahu Anhu beliau berkata, Nabi SAW bersabda yang bermaksud:

*"Sesiapa yang mengambil harta saudaranya dengan sumpahnya, maka Allah mewajibkan dia masuk neraka dan mengharamkan masuk syurga. Lalu ada seorang yang bertanya, Wahai Rasulullah, meskipun hanya sedikit? Beliau menjawab, Meskipun hanya sebatang kayu sugi."*

*(Riwayat Muslim).*

### **Muslimin yang berbahagia,**

Mengakhiri khutbah pada kali ini, khatib menyeru dan mengajak seluruh umat Islam supaya menghayati beberapa pengajaran berikut untuk dijadikan sebagai pedoman hidup kita:

1. Umat Islam hendaklah meyakini bahawa zakat adalah merupakan perintah Allah SWT yang difardhukan kepada kita semua untuk ditunaikan sekiranya telah cukup syarat-syaratnya.
2. Umat Islam hendaklah menunaikan kewajipan zakat kerana ganjarannya sangat besar yang Allah sediakan kepada pembayar zakat.
3. Umat Islam hendaklah menginsafi bahawa keengganan mengeluarkan zakat akan mengundang azab yang pedih daripada Allah SWT.





أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ  
يَتَأَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا إِنَّ كَثِيرًا مِّنَ الْأَحْبَارِ وَالرُّهْبَانِ  
لِيَآكُلُونَ أَمْوَالَ النَّاسِ بِالْبَاطِلِ وَيَصُدُّونَ عَن سَبِيلِ اللَّهِ  
وَالَّذِينَ يَكْنِزُونَ الذَّهَبَ وَالْفِضَّةَ وَلَا يُنْفِقُونَهَا فِي سَبِيلِ اللَّهِ  
فَبَشِّرْهُمْ بِعَذَابٍ أَلِيمٍ ﴿٣٤﴾

“Wahai orang-orang yang beriman! Sesungguhnya banyak di antara pendita-pendita dan ahli-ahli agama (Yahudi dan Nasrani) memakan harta orang ramai dengan cara yang salah, dan mereka menghalangi (manusia) dari jalan Allah (agama Islam). Dan (ingatlah) orang-orang yang menyimpan emas dan perak serta tidak membelanjakannya pada jalan Allah, maka khabarkanlah kepada mereka dengan (balasan) azab seksa yang tidak terperi sakitnya.

(surah al-Taubah : 34).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي  
وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ  
مَنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.  
أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ  
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ  
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

\*\*\*\*\*

Nurul / Faryzan

26.11.2018



## KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ  
الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ  
لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ  
وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ  
وَصَحْبِهِ، وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا  
بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ  
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

**Sidang Jumaat yang dirahmati Allah SWT,**

Mimbar Jumaat sekali lagi berpesan supaya kita sentiasa bertakwa kepada Allah SWT dan menyedari bahawa Islam mengajar kita supaya bersikap sederhana dalam segala amalan. Kita amatlah dituntut agar menampilkan kemuliaan akhlak, sikap dan keperibadian tinggi kerana Rasulullah SAW diutus untuk menyempurnakan akhlak dan sebagai rahmat bagi seluruh umat dan sekalian alam. Oleh itu marilah kita sentiasa memperbanyakkan selawat dan salam ke atas Nabi kita Muhammad SAW. Firman Allah SWT:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا  
صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.



اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا وَمَوْلَانَا مُحَمَّدٍ سَيِّدِ  
الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ  
وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ  
وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ  
مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ يَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ. اللَّهُمَّ أَعِزِّ  
الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَأَهْلِكَ الْكُفْرَةَ وَالْمُبْتَدِعَةَ  
وَالْمُشْرِكِينَ وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ. وَانصُرْنَا  
عَلَى الْقَوْمِ الْكَافِرِينَ.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ،  
وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ  
تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ  
الصِّمْدَانِيَّةِ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ  
سَلَاطُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج،  
ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه  
الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعَوْنَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ،  
وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِوَلِيِّ عَهْدِ سَلَاطُورِ،  
تَغْكَو أَمِيرِ شَاهِ، ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس



شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ  
يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا،  
مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ  
مَقاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan kami rahmat dan nikmat, sehingga kami dapat meneruskan usaha ke arah memperkukuhkan negara umat Islam, sebagai negeri yang maju, sejahtera dan berkeadilan dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai ketua agama Islam di negeri ini.

Justeru kami pohon kehadiran-Mu ya Allah, tetapkanlah iman dan pegangan kami kepada Ahli Sunnah Wal-Jamaah, terimalah amalan soleh kami, suburkanlah jiwa kami dengan budi pekerti yang mulia, satukanlah hati-hati kami, kurniakanlah kami rezeki yang luas lagi barakah, kayakanlah kami dengan ilmu yang bermanfaat, lindungilah kami daripada bala bencana dan peliharalah kami daripada ajaran yang terkeluar daripada Islam seperti Qadyani dan ajaran sesat seperti Syiah, serta ajaran-ajaran lain yang difatwakan menyeleweng dari ajaran Islam atau bertentangan dengan pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Ya Allah bukannya hati kami untuk mendirikan solat fardhu lima waktu, menunaikan zakat melalui Lembaga Zakat Selangor, mewakaf dan menginfaqkan harta melalui Perbadanan Wakaf Selangor dan Tabung Amanah Pembangunan Islam Selangor.



رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا  
لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ  
حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.

عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ  
وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ

تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ  
يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ  
أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

\*\*\*\*\*